

Menghasilkan produk bermutu tinggi pada harga lebih kompetitif

# Lubri-Loy, UMP jalin kerjasama

Mingguan

Malaysia (Dlm Negeri) Ahad 19/7/09 M/s 20

Oleh YULPISMAN ASLI  
utusanpahang@utusan.com.my

**KUANTAN** 18 Julai – Syarikat pengeluar produk pelincir terkenal dari Amerika Syarikat (AS) Lubri-Loy, berhasrat untuk menjalin kerjasama dengan Universiti Malaysia Pahang (UMP) bagi menghasilkan produk bermutu tinggi pada harga lebih kompetitif di negara ini.

Pengerusi yang juga Ketua Pegawai Eksekutifnya, David Graham berkata, kerjasama itu juga bakal membolehkan Malaysia menjadi 'pusat' kepada syarikat yang beribu

pejabat di St. Louis, Missouri AS itu memasarkan produknya ke rantau Asia dan Eropah Barat.

Beliau berkata, di bawah kerjasama berkonsepkan 'menang-menang' itu, pihak UMP dengan kerjasama syarikat Urban Environmental Industries Sdn. Bhd. yang berpangkalan di Gebeng dekat sini, akan menghasilkan produk pelincir bermutu tinggi menggunakan teknologi yang ada pada syarikat tersebut.

"Kami akan bekerjasama dengan UMP untuk menghasilkan produk baru yang bukan sahaja bermutu tinggi pada harga lebih kompetitif

tetapi juga mesra alam," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada majlis pelancaran produk-produk keluaran syarikat Lubri-Loy untuk pasaran tempatan di Hotel Hyatt Regency di sini, malam tadi.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMP, Profesor Dr. Rosli Mohd. Yusus; Ketua Pegawai Eksekutif Urban Environmental Industries Sdn. Bhd., Thomas Tang dan Kaunselor Hal Ehwal Komersial Kedutaan Amerika Syarikat, Nasir Abbasi.

Menurut Graham, dengan penga-

laman kira-kira 60 tahun dalam bidang berkaitan pelincir dan aloi, syarikat itu yakin akan terus bertahan di pasaran antarabangsa, sebaliknya mencari pasaran baru termasuk Malaysia.

Jelasnya, ketika ini, antara negara pasaran utama produk keluaran Lubri-Loy ialah Amerika Syarikat sendiri, China dan Eropah.

Katanya, kedudukan ekonomi Malaysia yang kukuh telah menerik minat syarikat terbabit untuk terlibat dalam bidang pengeluaran produk pelincir bermutu tinggi di negara ini bagi pasaran domestik dan antarabangsa.

Beliau bagaimanapun tidak menyatakan bentuk dan jumlah pelaburan yang akan dibuat oleh syarikat tersebut di bawah kerjasama berkenaan.

Sementara itu, Rosli ketika ditemui berkata, kerjasama tersebut akan membolehkan UMP menyalurkan kapakarannya dalam bidang berkaitan yang telah dimajukan sejak beberapa tahun lalu.

"Ia sebenarnya satu peluang kepada UMP dengan meraih keperluan cawangan Lubri-Loy, sebuah syarikat terkemuka dalam penghasilan produk pelincir," katanya.